

# PRISEM 2015 Inspirasi Kepada Pelajar Sekolah

Oleh Azmi

Kota Kinabalu, 18 Mei – 25 orang pelajar calon SPM dan STPM merealisasikan impian mereka merasai kehidupan sebagai pelajar universiti.

Program Intelejenensi Sekolah Menengah 2015 atau PRISEM 2015 merupakan program motivasi dan pembangunan pendidikan yang melibatkan mahasiswa Kolej Kediaman Tun Mustapha, Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mensasarkan pelajar sekolah luar bandar di negeri Sabah.

Program ini merupakan anjuran Exco Akademik dan Kerjaya, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Sesi 2014/15 dengan kerjasama Sekretariat Kolej Kediaman Tun Mustapha.

PRISEM 2015 ini berlangsung selama tiga hari dua malam bermula pada 15 Mei dan berakhir pada 17 Mei yang bertempat di Kolej Kediaman Tun Mustapha, UMS.

Seramai 25 orang peserta dari 5 sekolah menengah menghantar wakil yang terdiri daripada kalangan pelajar yang merupakan calon SPM dan STPM pada tahun ini.

Antara sekolah menengah yang menghantar wakil adalah SMK Perempuan Likas iaitu seramai 6 orang pelajar, Maktab Sabah seramai

7 orang pelajar, SMK Beaufort seramai 3 orang pelajar, SMK Taun Gusi seramai 5 orang pelajar dan SMK Badin seramai 4 orang pelajar.

Antara objektif PRISEM 2015 ini adalah memperkenalkan UMS sebagai institusi yang bukan sahaja menumpukan kepada akademik semata-mata tetapi juga menyumbang ke arah pembangunan masyarakat. Program ini juga memberi inspirasi kepada pelajar sekolah agar mampu mengatur langkah bagi menuju ke menara gading.

Menggalakkan mahasiswa dan pelajar-pelajar sekolah untuk sentiasa bergerak ke hadapan, optimis dan berinovasi serta berdaya saing melalui setiap aktiviti latihan dalam kumpulan dan antara lainnya memberi sumbangan terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan masyarakat setempat, dan memberi pendedahan dan pengalaman tentang pengurusan organisasi dan program kepada mahasiswa dan pelajar.

Sepanjang para peserta berada di sini mereka telah diberi peluang untuk tinggal bersama-sama mahasiswa dan mahasiswi yang juga merupakan mentor mereka dari kalangan AJK pelaksana.

Pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti latihan dalam kumpulan(LDK), ceramah kerjaya, malam bakat dan sukaneka sebagai pengisian sepanjang masa program dijalankan.

Para peserta juga turut diberi peluang untuk melihat sendiri kawasan sekitar Universiti Malaysia Sabah.

Majlis penutupan PRISEM 2015 telah disempurnakan oleh saudari Nadianah Lapiaman merangkap FELO Penyelaras Program, Kolej Kediaman Tun Mustapha.



AJK Pelaksana bersama-sama para peserta PRISEM 2015 merakam gambar kenangan bersama.